

# MAJLIS PENUTUP KURSUS MODUL 4 FIRE SAFETY TECHNICIAN SERIAL 23/19

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4851-majlis-penutup-kursus-modul-4-fire-safety-technician-serial-23-19](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4851-majlis-penutup-kursus-modul-4-fire-safety-technician-serial-23-19)

KUALA KUBU BHARU, 19 Apr 19 - 20 peserta kursus 'Fire Safety Technician Serial' 23/19 dari Sekolah Bomba dan Penyelamat, Institut Pengurusan Ruang Angkasa telah berjaya menamatkan modul 'Building Fire Safety' di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah Kuala Kubu Bharu yang berlangsung pada 15 Apr 19 hingga 19 Apr 19.

Objektif pelaksanaan modul ini adalah untuk memberi ilmu pengetahuan mengenai sistem perlindungan kebakaran di bangunan dan plan kecemasan bangunan semasa situasi kebakaran. Pelaksanaan modul ini adalah kerjasama kali kedua di antara TUDM dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. Majlis penutup Modul Kursus ini telah disempurnakan oleh Penolong Pesuruhjaya Bomba Tuan Mazlan b Hashim selaku Ketua Pengajian Kebakaran mewakili Komandan Akademi Bomba & Penyelamat Malaysia manakala INSPRA diwakili oleh Lt Kol Wan Amir Zaki b Wan Hassan TUDM Pegawai Laksana yang mewakili Komandan INSPRA.

